

07/09/2002

Malam Bara Perjuangan sarat suara patriotisme

Salbiah Ani

MALAM Bara Perjuangan di Auditorium DBKL, Kuala Lumpur, pada malam 31 Ogos lalu sarat dengan suara patriotisme berhubung perjuangan tokoh politik silam dan kemelut yang menimpa bangsa dan bahasa Melayu.

Kata Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Shaid Mohd Taufek, dalam buku cenderahati:

Kalam seni memulakan acara
Acara ransangan raga yang redam
Malam ini kunyalakan bara
Bara perjuangan yang mulai padam.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohd Najib Abdul Razak, membuka tirai majlis dengan ucapan dan disusuli deklamasi puisi, pertama kali dilakukan dalam seumur hidupnya, Setiap Kali Mentari Ogos Menerjah Kulit Bumi, karya Awang Abdullah.

Nampaknya permintaan penganjur Malam Bara Perjuangan, Nadirasa Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), agar Najib mendeklamasikan puisi sebagai suatu deraan berjaya mencungkil bakatnya sebagai deklamator.

Khalayak diajak mengenang kembali kepayahan, pengorbanan dan perjuangan pemimpin Melayu zaman pramerdeka seperti Datuk Onn Jaafar, Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak, dalam membebaskan Tanah Melayu daripada cengkaman penjajah.

Pegawai kanan DBKL, Sarifudin Ibrahim, yang mengambil alih tugas mendeklamasi puisi daripada ketuanya, kebetulan mempunyai urusan rasmi pada saat akhir, menyahut cabaran penganjur dengan mendeklamasikan puisi karyanya sendiri, Pesan Kemerdekaan Untuk Anakku Imran.

Gelodak api kemarahan dan kekesalan penyair yang juga pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Siti Zainon Ismail, diluahkan lewat dua puisi, Bahasa Daun Laporan Luka Hakim dan Musim Perang.

Bahasa Daun Laporan Luka Hakim berkisar kepada bahasa Melayu yang dikenali dengan pelbagai nama mengikut tempat sebagaimana Tanah Melayu sebelum diubah namanya kepada Malaysia apabila mencapai kemerdekaan.

Api kemarahan Dr Siti Zainon terhadap nasib yang menimpa bahasa Melayu hari ini selepas mencapai kemerdekaan lebih 40 dekad lalu, bukan saja dilontarkan melalui lontaran suara, mimik muka dan gerak tangan penyair itu tetapi turut dijelmakan melalui pakaiannya yang merah menyala.

Gelodak api kemarahan beliau semakin membuak lewat Musim Perang yang berkisar kepada sumbangan seorang 'tokoh' dalam memerdekakan Tanah Melayu tetapi nama beliau tidak tercatat dalam buku sejarah negara jauh sekali daripada menerima sebarang gelaran.

Pensyarah Seni Persembahan, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Abdul Ghafar Ibrahim atau lebih dikenali Agi yang pernah meributkan dunia puisi tanah air dengan sajak Tak Tun Tak Tun, kali ini menunjukkan kebolehannya bergurindam.

Penonton Malam Bara Perjuangan bukan saja berpeluang mendengar dan menyaksikan cara membacakan gurindam, khazanah warisan Melayu yang semakin terpinggir, tetapi turut disentak dengan mesej sinis lagi pedas lewat Gurindam Negara Bijak.

...Apabila negara bijak dipimpin
tampak ia cantik di cermin.
Apabila rakyat sejiwa sehati

pasti negara mendapat sakti.
Apabila pemimpin bijak sepakat
tentulah rakyat hidup nikmat.
Apabila wawasan tak terpesong
kelak negara hidup agung.
Apabila muafakat tak tersekat
jadilah kerja menuju berkat...

Selain Agi, Ketua Pengarah DBP, Datuk A Aziz Deraman, turut mencuit hati penonton apabila berjaya memecahkan `keseragaman' dalam corak bacaan ketika mendeklamasikan Tirai Malang yang ditulis ketika berada di Surabaya.

Segala macam bunyi yang lahir daripada alat muzik tradisional Melayu, canang, gong, geduk, rebana, kertuk, kentung dan kenung, dirakam dalam bentuk kata-kata seperti bung, dung, gong, mong, nung, pung dan dung.

Aziz turut mendeklamasikan puisi Kamilah Warga Keagungan Bangsa yang merakam keinsafan penyair terhadap pentingnya menghargai kemerdekaan dan mengambil iktibar daripada pengorbanan tokoh pejuang bangsa Melayu iaitu empat Perdana Menteri Malaysia.

...Keraname Malaysia
kami tidak akan lupa
sewaktu bangkit Tunku Abdul Rahman, menolak penjajah
Tun Razak, dari desa ke desa berlangkah, tidak tahu lelah
Tun Hussein yang pasrah, tanah pusaka tidak merekah
Mahathir yang cekal, tidak serik, tidak mengaku kalah
mengangkat negara kenali dunia, dan pesannya
ingatlah dalam Barat ada durjana racun berbisa.

...Keraname Malaysia
kami sedar makna bebas merdeka
muafakat rakyat pegang kuasa bina negara
nikmat sejahtera aman makmur hidup bahagia
kami insaf hak beragama percaya kepada Tuhan
maka rakyat berbudi bersyukur dalam kesusilaan
beralih demokrasi ke tampuk pemerintahan
kekal raja pada perlembagaan
suara rakyat kuasanya Parlimen
tidak lupa hak asasi tidak alpa diri
junjung luhur kedaulatan ibu pertiwi...

Gabungan tiga jaguh deklamator, Ahmad Shukri Abdullah, Inspektor Rose Bains Kassim dan Mej Mohd Radzi Abd Hamid, mendeklamasikan puisi Bara Perjuangan, karya T Alias Taib, mendorong penonton melihat siapa lebih cemerlang dalam trio ini.

Rose Bains, Johan Sayembara Deklamasi Hari Kebangsaan (JSDHK) 2000, jarang muncul di pentas deklamasi puisi sebelum ini, memberi saingan hebat kepada Ahmad Shukri yang juga JSDHK 1996 manakala Mej Mod Radzi juga memberi saingan tidak kurang hebatnya.

Tidak ketinggalan penggiat teater yang tekun, Khalid Salleh, turut beraksi dan berjaya menambat hati khalayak meskipun penyair kedua terakhir muncul di pentas, mendeklamasikan dua puisinya Mantera Bumi Malaysia dan Tanah Pusaka.

Khalid begitu lantang dalam Tanah Pusaka, memperingatkan Melayu agar tidak melupakan hakikat keMelayuan yang semakin menipis kerana penyair itu bimbang bangsanya akan kehilangan maruah dan kedaulatannya.

...bila mana bumbung rumah terbalik ke bawah
dan tiangnya ke atas
porak perandalah padah menimpa
sebab itulah sumpahannya

"Jangan antara anak cucu bapa kita mengkhianati perteguhan ini.

Sekiranya mereka melakukannya bermakna tiang kedaulatan rebah ke bumi bangsa yang memayunginya tersungkur di lembah kehinaan."

itulah makna kesaksian teguh janji

kedaulatan Melayu pada bangsa dan tanah pusaknya.

kalau Melayu tidak mengenalkan Melayunya

maka Melayu telah hilang bangsanya

jika bangsa tidak mengenalkan kedaulatannya

maka kedaulatan telah hilang harta pusaknya.

tanah pusaka ini milik kita semua

taati dan hargailah kedaulatannya...

Malam Bara Perjuangan turut dimeriahkan oleh Sasterawan Negara (SN),
Datuk A Samad Said, T Alias Taib, Prof Datuk Dr Firdaus Abdullah dan Datuk
Dr Ahmad Kamal Abdullah atau lebih dikenali sebagai Kemala.